

REXOM_{TM} WINA ANTISEPTIC LIQUID

Chlorhexidine Gluconate/Cetrimide (0.3% w/v / 3.0% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM_{TM} Wina Antiseptic
2. Bagaimana REXOM_{TM} Wina Antiseptic berfungsi
3. Sebelum menggunakan REXOM_{TM} Wina Antiseptic
4. Cara menggunakan REXOM_{TM} Wina Antiseptic
5. Semasa menggunakan REXOM_{TM} Wina Antiseptic
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM_{TM} Wina Antiseptic
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan REXOM_{TM} Wina Antiseptic

Ia digunakan sebagai antiseptik untuk luka akibat terbakar yang ringan, luka dan ruam. Juga digunakan untuk membasmi kuman biasa, membasmi kuman di rumah dan kebersihan diri.

Bagaimana REXOM_{TM} Wina Antiseptic berfungsi

REXOM_{TM} Wina Antiseptic mengandungi dua antiseptik yang membantu menghilangkan bakteria dan mencegah jangkitan.

Sebelum menggunakan REXOM_{TM} Wina Antiseptic

-Bila tidak boleh menggunakan

Ia tidak sepatutnya digunakan jika anda hipersensitif kepada chlorhexidine gluconate dan cetrimide atau komponen lain dalam formulasi ini.

-Sebelum menggunakan ubat ini

Hipersensitiviti terhadap chlorhexidine gluconate dan cetrimide mungkin berlaku selepas penggunaan dalam jangka masa panjang dan berulang.

Mengandung dan menyusukan anak

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini, termasuk ubat-ubatan yang anda perolehi tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Cara menggunakan REXOM_{TM} Wina Antiseptic

-Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa gunakan REXOM_{TM} Wina Antiseptic seperti yang disyorkan.

Dos biasa

Kebersihan diri, luka dan luka akibat terbakar: cairkan 1 penutup penuh (10 ml) dalam 125 ml air.

Disinfektan rumah: cairkan 1 penutup penuh (10 ml) dalam 250 ml air.

Semasa menggunakan REXOM_{TM} Wina Antiseptic

-Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOM_{TM} Wina Antiseptic

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOM_{TM} Wina Antiseptic dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan terkena pada mata dan telinga. Sekiranya berlaku kerengsaan, hentikan penggunaan. Jika perkara ini berlaku secara tidak sengaja, bilas bahagian yang berkenaan dengan air.

Untuk kegunaan luar sahaja.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, REXOM_{TM} Wina Antiseptic boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM_{TM} Wina Antiseptic

-Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan diantara 15 - 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Larutan oren yang jelas.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
0.015g Chlorhexidine Gluconate dan 0.15g Cetrimide
- Bahan-bahan tidak aktif
Orange red, Botanical astringent essence, Isopropyl alcohol and Deionised water.

-Nombor MAL

MAL19991207X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, 11900 Penang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

30/10/2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)271017/00289